

## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	18/1/2020	MUKA SURAT	: 29
JABATAN	:	SPAN / LUAS / AIR SELANGOR / IWK		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Elak tiada air ketika raya Cina

Selangor laksana Ops Sumber Air sempena musim perayaan

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

**K**erajaan Selangor akan melaksanakan Ops Sumber Air bersempena Tahun Baru Cina ini bagi mengelakkan gangguan bekalan air pada musim perayaan.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi serta Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, operasi yang bermula semalam sehingga 31 Januari itu juga akan melibatkan pemantauan 24 jam daripada agensi-agensi berkaitan.

Menurutnya, operasi secara bersepadu itu bertumpu di Lembaga Sungai Selangor dan Lembaga Sungai Langat



Loy Sian (tiga dari kanan) pada sidang akhbar di Bangunan SSAAS semalam.

dalam usaha memastikan pemantauan yang rapi dan berkesan.

“Kita tumpu di dua lokasi ini kerana kedua-dua lembaga ini membekalkan 90 peratus sumber air kepada penduduk di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

“Jadi bagi mengelakkan gangguan pada musim perayaan ini, kita memberi tumpuan kepada dua kawasan tersebut.”

katanya pada sidang akhbar di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) di sini semalam.

Difahamkan, antara agensi yang terlibat dengan Ops Sumber Air itu ialah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Alam Sekitar Selangor (JAS), Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), pihak berkuasa tem-

patan dan agensi lain berkaitan. Selain itu, LUAS selaku Urus Setia Jawatankuasa Kememasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor akan mengetuai ops berkenaan dan menyelaraskan tindakan bersama agensi terlibat.

Loy Sian berkata, operasi tersebut juga tidak hanya dilaksanakan menjelang sambutan Tahun Baru Cina malah turut dijalankan pada musim perayaan lain di negara ini.

“Langkah ini adalah bagi memastikan tiada pengguna yang terjejas dan terbeban dengan gangguan bekalan air pada setiap kali menjelang musim perayaan,” katanya.

Dalam pada itu, Loy Sian turut memberi amaran keras kepada mana-mana pihak agar tidak melakukan pembuangan sisa-larangan secara sesuka hati.

Katanya, kerajaan Selangor serius dalam menangani permasalahan ini dengan menggunakan peruntukan undang-undang sedia ada.